

Kosmo
12/10/16
mls 3

Belajar proses syabu melalui internet

Oleh NADIA SHAFUL BAHARI

KUALA LUMPUR – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendedahkan terdapat pengedar dan penagih dadah di negara ini menggunakan video internet dalam YouTube sebagai panduan untuk menghasilkan sendiri dadah jenis syabu.

Banyak klip video YouTube yang mengajar cara-cara menghasilkan syabu menggunakan bahan-bahan kimia seperti meth oil, asid hidroklorik dan natrium hidroksida.

Cecair meth merupakan sejenis dadah bertoksik tinggi, manakala asid hidroklorik digunakan untuk menghasilkan bateri, mentol dan bunga api. Natrium hidroksida pula merupakan bahan kimia untuk merawat air dan pemprosesan logam.

Bahan-bahan itu kemudian diadun menggunakan pelbagai peralatan memproses dadah termasuk corong kaca, balang kaca, getah paip, alat pengering dan dapur.


Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK, Zainudin Abdullah berkata, bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan dadah jenis syabu mudah diperolehi di negara ini tanpa perlu diimport.

Disebabkan itu, katanya, syabu mudah didapati di pasaran gelap dan ramai penagih yang menggunakannya.

“Sesiapa sahaja boleh menghasilkan syabu kerana kaedah memproses dadah jenis ini boleh dipelajari di internet.



PENGUNA internet boleh mempelajari cara-cara membuat syabu dengan mudah menerusi laman YouTube.



ANTARA kaedah membuat syabu yang boleh dilayari di internet.



YUNUS



ZAINUDIN

“Prosesnya pula hanya mengambil masa sehari. Bagaimanapun, kualiti dadah bergantung kepada kemahiran ‘tukang masak’ itu sendiri. Semakin mahir dia mencampurkan bahan-bahan, dadah yang dihasilkannya akan lebih kuat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai cara menghasilkan dadah jenis syabu berikutan laporan *Kosmo!* semalam bahawa enam belia Perlis dikesan menjadi penagih baharu syabu setiap hari.

Statistik itu berdasarkan rekod AADK Perlis yang melaporkan sehingga Ogos tahun ini, negeri itu mencatatkan seramai

1,430 penagih dadah.

Mengulas lanjut, Zainudin memberitahu, syabu sebenarnya popular di Filipina sekitar tahun 1990-an dan mula masuk ke negara ini melalui Sabah.

“Kini, dadah jenis ini sudah merebak ke seluruh negara. Mereka yang ketagihan syabu tidak boleh hidup seperti manusia normal sekiranya tidak mengambil dadah itu.

“Saya pernah jumpa kes yang mana ada penagih yang mengambil syabu sebanyak tiga kali sehari,” katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengasih Malaysia, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, penagih dadah jenis syabu terpaksa bergantung kepada ubat tidur dan dadah jenis heroin serta ganja untuk menyeimbangkan kehidupan mereka.

“Syabu tidak boleh diambil secara berlebihan kerana ia akan menyebabkan penagih berkenaan mengalami kesukaran untuk tidur.

“Biasanya mereka mengguna-



KERATAN *Kosmo!* semalam.

kan ganja dan ubat tidur untuk membolehkan mereka tidur; manakala heroin diperlukan untuk mendapatkan ketenangan,” ujarnya.

Menurut beliau, apabila tubuh penagih tersebut tidak lagi boleh menerima syabu, dia akan menjadi lemah, kemurungan, paranoia atau mengalami gangguan mental yang menyebabkan seseorang itu khayal dan berkelakuan ganas.

Lebih mengejutkan, Mohd.

INFO Syabu

- Nama saintifik methamphetamine atau dipanggil ice
- Berbentuk ketulan kristal atau kaca pecah
- Kualiti syabu dikategori kepada tiga iaitu putih kristal, putih kemerahan dan kualiti rendah berasa pahit
- Diambil dengan cara dibakar dalam tiub kaca
- Harga sekilogram syabu RM70,000 dan satu kilogram dadah itu boleh dibekalkan kepada 1,000 penagih dadah dalam sehari

Kesan dan bahaya penggunaan

- Boleh berjaga tanpa tidur sehingga dua hingga tiga hari berturut-turut
- Berat badan turun secara ketara
- Kesan psikologi seperti halusinasi dan paranoid sehingga mampu mencederakan diri sendiri dan orang lain

Yunus mendedahkan, golongan profesional daripada bidang perundangan, perakaunan dan akademik turut menyalahgunakan syabu untuk bekerja lebih masa atau mengadakan perbincangan sehingga lewat malam.

Kata Mohd. Yunus, jika dahulu, mereka yang menghisap syabu adalah disebabkan kemiskinan dan keruntuhan rumah tangga, namun kini ada penagih yang berbuat demikian demi keseronokan.